

**13 Mei 2009 (Rabu)**

## **Skandal PKFZ: PAC panggil bekas menteri**

KUALA LUMPUR 13 Mei - Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) tidak menolak kemungkinan memanggil seorang bekas menteri untuk memberi keterangan berhubung skandal pembangunan Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) kepada pihak itu tidak lama lagi. Pengerusinya, Datuk Seri Azmi Khalid bagaimanapun berkata, pihaknya hanya berbuat demikian jika siasatan mendapati wujud keperluan untuk mendapatkan keterangan lanjut daripada bekas menteri terbabit. "Kalau perlu, PAC boleh panggil sesiapa saja," katanya ketika menjawab soalan pemberita mengenai kemungkinan itu pada sidang akhbar selepas merasmikan seminar berkaitan kualiti audit di sini hari ini.

Projek PKFZ yang menelan belanja besar menimbulkan tanda tanya terutama apabila harga pembelian tanah mencecah RM1.088 bilion dan mengambil kira tempoh pembayaran balik 15 tahun pada kadar faedah 7.5 peratus setahun, kos keseluruhan pembelian tanah meningkat kepada RM1.807 bilion. Kos keseluruhan PKFZ ialah RM4.6 bilion setelah mengambil kira pembelian tanah, kerja-kerja pembangunan dan faedah 7.5 peratus bagi bayaran tertanggung selama 10 tahun. Tambah Azmi, pihaknya akan memanggil Pihak Berkuasa Pelabuhan Klang (PKA) untuk memberi kenyataan berhubung perkara itu. Jelasnya, siasatan pihak beliau terhadap PKFZ terhenti sebelum ini kerana PKA terpaksa melalui proses pengauditan. Beliau berkata, Proton Holdings Bhd. (Proton) pun memberi penjelasan berhubung tindakannya menjual pegangan saham dalam syarikat pengeluar motosikal Itali yang mengalami kerugian, MV Agusta kepada PAC. "Saya bagaimanapun tidak diizinkan memaklumkan kepada media melainkan laporan itu masuk ke dalam Parlimen dulu," katanya.

Jelas beliau, hasil laporan berkaitan urus niaga Proton dan beberapa laporan lain lagi akan dibentang dalam sesi Parlimen yang seterusnya yang dijadual pertengahan bulan depan. Proton menjual 57.75 peratus kepentingan dalam MV Agusta pada harga 1 Euro (RM5.14) tiga tahun lalu. Mengenai cadangan agar harga tol untuk penggunaan Terowong Pengurusan Air Banjir dan Jalan Raya (SMART) dikurangkan, Azmi berkata, perkara itu akan dibincangkan dalam mesyuarat PAC seterusnya. Namun, beliau berkata, cadangan penurunan itu perlu dilihat daripada semua aspek secara mendalam. "Pada dasarnya di mana ada jalan tol itu, ada pula jalan alternatif, orang yang mengguna boleh pilih. "Kalau tidak mahu bayar tol, boleh guna jalan alternatif, SMART memang ada jalan alternatif, saya selalu pergi sebelah (guna jalan alternatif)," katanya.

**13 Mei 2009 (Rabu)**

### **Jentera projek bina jalan JPP dirampas**

ALOR SETAR 13 Mei - Jabatan Perhutanan Negeri merampas jentera dan peralatan membina jalan milik Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) di Langkawi semalam kerana kerja-kerja pembinaan itu didakwa dilakukan tanpa memaklumkan kepada kerajaan negeri. Menteri Besar, Datuk Seri Azizan Abdul Razak berkata, jabatan berkenaan terpaksa bertindak sedemikian selepas mendapati projek pembinaan jalan mini tar oleh Kerajaan Pusat di daerah itu didakwa telah memasuki tanah hutan kerajaan negeri. Katanya, pembinaan jalan tersebut jelas tidak mengikut peraturan dan telah dianggap sebagai satu perbuatan mencerooboh.

"Mereka masuk tanpa kebenaran, maka kita berhak rampas. Semua peralatan dan jentera membina jalan berkenaan kini berada di Balai Polis Langkawi," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco kerajaan negeri di sini hari ini. Azizan berkata, JPP perlu menghormati kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan dalam melaksanakan sesuatu projek dengan mengambil kira kuasa yang ada pada mereka. Kata beliau, pihaknya tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan serupa pada masa akan datang jika tanah milik kerajaan negeri terus dicerooboh.

**14 Mei 2009 (Khamis)**

### **176,000 naik pangkat**

Oleh ZULKIFLI JALIL dan HASHNAN ABDULLAH [pengarang@utusan.com.my](mailto:pengarang@utusan.com.my)

PUTRAJAYA 14 Mei – Berkuat kuasa 1 Julai ini, pegawai kumpulan sokongan yang berkhidmat 15 tahun atau lebih serta masih berada dalam gred lantikan akan dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi. Berucap pada perhimpunan Hari Pekerja Sektor Awam 2009 di sini hari ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak turut mengumumkan beberapa skim perkhidmatan akan dinaik taraf juga mulai 1 Julai. Kata beliau, langkah itu adalah sebagai menghargai sumbangan 176,066 pegawai kumpulan sokongan bagi perkhidmatan persekutuan.

Kerajaan juga, katanya, bersetuju menggubal dua skim perkhidmatan yang baru iaitu pegawai penyediaan makanan dan pembantu laut serta menaik taraf lapan skim perkhidmatan termasuk skim perkhidmatan operator mesin prosesan data, pembantu tadbir rendah (PTR) dan jaga. "Langkah itu akan melibatkan 20,637 penjawat awam. Keputusan kerajaan ini akan melibatkan kos tambahan sebanyak RM170.4 juta".

Najib berkata, beliau yakin usaha yang diiringi keikhlasan demi menunaikan amanah kepada rakyat membolehkan perkhidmatan awam memberi perkhidmatan terbaik untuk negara.

“Perkhidmatan awam mempunyai fungsi yang cukup signifikan dalam mencorakkan pembangunan negara dan usaha ini akan membawa negara megah di persada dunia,” katanya.

**14 Mei 2009 (Khamis)**

### **Model ekonomi baru memudahkan tuntutan pekerja**



Najib Tun Razak bersama Muhyiddin Yassin bersalaman dengan kakitangan awam pada majlis Perhimpunan Hari Pekerja Sektor Awam 2009, di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, Putrajaya, semalam. -

UTUSAN/SAIFUL BAHARI ASHARI

PUTRAJAYA 14 Mei - Datuk Seri Najib Tun Razak percaya tuntutan-tuntutan penjawat awam pada masa depan termasuk kenaikan gaji akan lebih dipenuhi sekiranya pendapatan negara bertambah hasil pelaksanaan model ekonomi baru berteraskan inovatif dan kreativiti. Berucap pada perhimpunan Hari Pekerja Sektor Awam 2009 di sini hari ini, Perdana Menteri merujuk kepada kejayaan Sime Darby menterjemahkan kod genetik pokok kelapa sawit sekali gus akan menghasilkan baka baru sawit yang mengeluarkan hasil lumayan. "Pokok-pokok kecil ini menghasilkan buah yang besar, kawasan tanaman lebih luas serta peningkatan pendapatan pekebun kecil. "Bila pendapatan negara bertambah, saya pejam mata pun boleh terima tuntutan (pekerja). (Jadi) tak payah 'lambung' saya kata 'PM yang segak' dan ceria," katanya.

Hadir sama pada perhimpunan yang dihadiri kira-kira 3,000 pekerja awam itu ialah Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Presiden CUEPACS, Omar Osman. Analogi itu dibangkitkan oleh Najib kerana bagi Perdana Menteri penjawat awam mesti berfikir secara keseluruhan merasai denyutan nadi rakyat dalam membantu kerajaan memajukan negara. "Itulah sebabnya saya melakukan walkabout yang saya maksudkan sebagai tinjauan mesra. "Di Pudu Raya misalnya, saya dapat tengok dan hidu udaranya. Baunya memang berbeza dengan pejabat Perdana Menteri dan taklimat yang diberikan oleh Datuk Bandar, macam langit dan bumi," katanya.

Dalam aspek ini, beliau menekankan betapa pentingnya barisan hadapan atau contact point yang akan menjadi persepsi pertama pelancong terhadap Malaysia. "Contohnya kakitangan imigresen, kalau tidak boleh bercakap bahasa Inggeris, sekurang-kurangnya ucaplah Welcome to Malaysia. "Jabatan Imigresen memang dapat pujian, kita tidak boleh bayangkan passport antarabangsa boleh siap dalam tempoh sejam tapi bila guna tandas wanita Imigresen, keadaan di dalamnya paling teruk...passport siap sejam tapi bilik air dahsyat,. Kerana itu, beliau mahu

pentadbiran kerajaan di Putrajaya menjadi 'show case' dalam menampilkan imej terbaik dari segi prestasi kerja sehinggalah kebersihan tandas.

Perdana Menteri juga mahu keberhasilan sesuatu kerja menjadi keutamaan berbanding pengisian semata-mata. "Kadangkala peruntukan kos sesuatu projek misalnya bangunan lebih banyak daripada modal intelektualnya. Dalam hal ini pemikiran kita mesti betul tapi ini tidak, peruntukan dibelanjakan untuk bina bangunan-bangunan yang hebat tetapi bila sekolah siap, kelengkapannya tidak ada. "Rupa-rupanya dia dah 'rampas' (belanjakan) peruntukan untuk kelengkapan (peralatan) itu dengan kos diri bangunan. Kata Najib: "Sebab itu kita nak belanjakan wang dengan berbaloi. Bukan sekadar berbelanja tapi apa yang kita dapat daripada nilainya."

**14 Mei 2009 (Jumaat)**

## **SK Bellamy terbengkalai**

Oleh ARDYHANSAH AMAT kota@utusan.com.my



**LIM Ah Chai menunjukkan bangunan SK Jalan Bellamy, Kuala Lumpur yang terbengkalai sejak Ogos tahun lalu.**

KUALA LUMPUR 14 Mei - Tidak tahu sampai bila kira-kira 300 orang murid Sekolah Kebangsaan (SK) Jalan Bellamy di sini perlu menunggu untuk dapat menikmati kemudahan pembelajaran yang lebih baik di sekolah itu. Ini kerana dua buah blok bangunan sekolah itu masih gagal disiapkan walaupun sudah lama melepasi jangka waktu siap yang ditetapkan. Bangunan tersebut sepatutnya menempatkan kemudahan seperti perpustakaan, bilik darjah dan makmal yang lebih selesa tetapi sehingga kini pembinaannya masih terbengkalai.

Utusan Malaysia diberitahu, sehingga kini, ibu bapa dan murid-murid tidak tahu status sebenar projek pembinaan bangunan tersebut sama ada tertangguh sementara ataupun dihentikan terus. Seorang bapa murid sekolah berkenaan, Lim Ah Chai, 50, berkata, projek tersebut telah dimulakan pada bulan Mei 2007 dan sepatutnya siap pada Oktober tahun lalu. "Namun begitu, kerja-kerja pembinaan diberhentikan pada bulan Ogos tahun lalu dan sehingga kini, tidak ada tanda-tanda pembinaan bangunan baru tersebut akan diteruskan," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Menurutnya lagi, perkara tersebut tidak seharusnya terjadi memandangkan SK Jalan Bellamy dikategorikan sebagai sekolah bantuan penuh kerajaan. Lebih membimbangkan lagi, katanya, jika bangunan tersebut ditinggalkan terlalu lama, ia akan mendatangkan kesan negatif kepada murid dan guru-guru sekolah. "Akhbar mahupun televisyen sering melaporkan yang bangunan-bangunan terbiar boleh mendatangkan banyak kesan negatif terutama menjadi sarang pembiakan nyamuk aedes. "Selain itu, risiko untuk murid terlibat dalam kemalangan kecil seperti terpijak paku ataupun terjatuh jika memasuki kawasan berkenaan juga ada," katanya.

Bagi Ah Chai, projek terbengkalai itu juga mencatitkan pemandangan sekitar kawasan Jalan Bellamy, yang berhampiran dengan Istana Negara. Beliau berharap Kementerian Pelajaran akan menyiasat mengapa projek itu terbengkalai dan seterusnya mengambil langkah perlu dan segera supaya pembinaannya dapat diteruskan.

## **14 Mei 2009 (Khamis)**

### **Premis langgar peraturan dikesan**

BUKIT MERTA JAM 14 Mei – Jabatan Bomba dan Penyelamat Pulau Pinang mendedahkan masih terdapat premis menyimpan gas memasak (LPG) yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan termasuk menyimpan bahan itu melebihi had yang dibenarkan. Pengarah Bomba negeri, Ahmad Izram Osman berkata, pihaknya telah menjalankan pemeriksaan di 305 premis runcit dan 79 premis borong gas LPG bersama bahagian penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna baru-baru ini.

Menurutnya, pemeriksaan tersebut dijalankan selepas insiden sebuah premis penyimpan gas memasak LPG di Sungai Lokan, yang meletup sehingga mengorbankan seorang pekerjaanya baru-baru ini. "Berdasarkan pemeriksaan kita terutamanya di 11 premis di daerah Seberang Perai Utara, kita dapati ada beberapa perkara yang telah diabaikan oleh pemilik premis. "Antara perkara penting yang diabaikan ialah tidak mempunyai kemudahan keselamatan mencukupi di dalam premis, menyimpan tong gas yang melebihi had yang dibenarkan dan tiada tanda larangan merokok khususnya di kawasan yang mudah terbakar," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Sambutan Hari Bomba Sedunia 2009 peringkat Negeri Pulau Pinang yang diadakan di Balai Bomba dan Penyelamat Bandar Perda, di sini semalam. Ahmad Izram berkata, semua syarat dan peraturan itu sepatutnya dipatuhi setiap masa oleh pemilik premis dan pekerjaanya bagi mengelak sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku. Ditanya mengenai punca sebenar letupan yang berlaku di premis penyimpan gas di Sungai Lokan itu, beliau memberitahu, bomba tidak menolak kemungkinan ia disebabkan aktiviti pemindahan gas dan pihaknya masih menjalankan siasatan lanjut.

Sementara itu, pada majlis tersebut, Ahmad Izram turut menyampaikan sijil Skim Teman Pili Bomba kepada 10 individu yang banyak terlibat secara langsung dalam penjagaan dan

pemuliharaan pili bomba. Tiga lagi individu iaitu dua pelajar sekolah, masing-masing Muhamad Shamin Ramly, 15, dan Mohd. Ikmal Mohd Faizal, 11, serta Mohd Amrol Mohamed Amer yang merupakan jurukamera NTV7 dikurniakan sijil penghargaan kerana telah membantu pihak bomba dalam operasi pemadaman kebakaran.

Muhamad Shamin dan Mohd. Ikmal sebelum ini telah menyelamatkan ahli keluarga masing-masing yang sedang nyenyak tidur dalam satu kebakaran di Bukit Indera Muda, di sini baru-baru ini. Mohd. Amrol pula menjadi wira apabila telah menyelamatkan seorang anggota bomba yang terkena serangan jantung ketika menjalankan operasi memadam kebakaran dengan membawanya ke hospital menaiki motosikal miliknya.

## **14 Mei 2009 (Khamis)**

### **Felda Jengka rugi RM1.4j sebulan**

Oleh SALEHUDIN MAT RASAD [utusanrerengganu@utusan.com.my](mailto:utusanrerengganu@utusan.com.my)

MARAN 14 Mei - Felda Jengka di sini kerugian kira-kira RM1.4 juta sebulan berikutan tindakan sebahagian besar penerokanya menjual hasil sawit kepada pemborong luar. Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan (JKKR) Gabungan Felda Wilayah Jengka, Sulaiman Bakar berkata, ketika ini 76 peratus peneroka di Jengka menjual hasil sawit kepada pemborong luar sekali gus melanggar arahan Felda. Katanya, keadaan itu menyebabkan kilang Felda Palm Industries kehilangan pendapatan sebanyak RM1.4 juta sebulan kerana keuntungan itu beralih kepada pemborong luar.

"Sikap sedemikian amat dikesali kerana mereka sengaja tidak menghantar hasil sawit ke kilang Felda bagi mengelakkan pendapatan mereka dipotong untuk membayar hutang atau untuk aktiviti kemasyarakatan seperti jalan pertanian dan keceriaan kampung," katanya.

Sulaiman yang juga Ketua Peneroka Felda Jengka 23 berkata demikian kepada *Utusan Malaysia* selepas meraikan kemenangannya terpilih sebagai Timbalan Pengerusi JKKR Gabungan Wilayah Jengka sesi 2009/2011 di sini hari ini. Tegas beliau, JKKR Gabungan Wilayah Jengka akan bersama pengurusan pejabat wilayah menjalankan kempen menarik peneroka supaya menghantar hasil sawit ke kilang Felda. "Sasaran JKKR Gabungan Felda Wilayah Jengka ialah supaya peratusan peneroka menghantar hasil sawit ke kilang meningkat sehingga mencapai tahap 100 peratus," katanya.

Menurutnya, slogan JKKR Gabungan Wilayah Jengka ialah 'peneroka didahulukan, pencapaian diutamakan' iaitu selaras dengan konsep Satu Malaysia cetusan idea Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak. Sulaiman mengingatkan warga peneroka supaya bersatu untuk memakmurkan tanah rancangan masing-masing dengan menjual hasil sawit ke kilang Felda kerana banyak faedah diperolehi. Katanya, antara faedah tersebut ialah sebarang keuntungan

yang diperoleh kilang Felda akan disalurkan semula kepada peneroka melalui dividen saham Koperasi Felda Berhad.

Tegas beliau, ia berbeza jika menjual hasil ke pemborong atau kilang swasta kerana keuntungan menjadi milik penuh syarikat berkenaan tanpa dilaburkan semula kepada peneroka. "Peneroka yang bersama Felda mempunyai peluang mendapat pelbagai insentif seperti skim pinjaman pembesaran rumah dan bonus," katanya.

## **14 Mei 2009 (Khamis)**

### **Tekun peruntuk RM51.2 juta**

KUCHING 14 Mei - Tabung Ekonomi Usahawan (Tekun) memperuntukkan RM51.2 juta sebagai pinjaman kepada 11,630 usahawan dan peniaga kecil di negeri ini setakat 31 Mac lalu. Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri (Pembangunan Usahawan Bumiputera), Mohd. Naroden Majis berkata, peruntukan itu diberikan menerusi bajet mini yang diumumkan kerajaan baru-baru ini.

"Peruntukan itu diberikan bagi membantu aktiviti perniagaan usahawan dalam sektor ekonomi seperti perdagangan, perkhidmatan, pembuatan, pertanian dan sebagainya," katanya di sini hari ini.

Beliau berkata demikian semasa menjawab soalan asal **Joseph Mauh Ikeh (BN-Tamin)** pada sidang Dewan Undangan Negeri Sarawak di sini. Naroden memberitahu, Tekun telah mengambil beberapa langkah perlu bagi membantu peniaga yang terjejas dengan krisis ekonomi yang melanda dunia kini. Antara langkah itu ujarnya ialah dengan mengurangkan kadar caj perkhidmatan pembiayaan, pinjaman tanpa penjamin dan menyediakan pembiayaan tambahan kepada peniaga.

"Selain itu, Tekun juga mengambil langkah memanjangkan tempoh bayaran balik pinjaman dan pembiayaan semula kali kedua bagi membantu meringankan masalah peniaga berkenaan," katanya.

## **14 Mei 2009 (Khamis)**

### **Segera bina jeti pendaratan ikan**

SANDAKAN 14 Mei – Pembinaan jeti pendaratan ikan di daerah ini perlu disegerakan bagi membolehkan usaha membantu nelayan dilakukan dengan lebih berkesan. Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sekong, Datuk Samsudin Yahya berkata, ketiadaan pusat pendaratan ikan setempat itu menyebabkan nelayan di daerah ini menggunakan jeti-jeti kecil yang

bertaburan di daerah ini. “Ini menyukarkan kita untuk mengawal aktiviti nelayan termasuk dalam soal pemberian subsidi kepada nelayan terbabit,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-16 Persatuan Nelayan Kawasan Sandakan di sini semalam.

Hadir sama Timbalan Ketua Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Mohd. Khazin Hamzah; Pengerusi PNK Sandakan, Asmaul Gindung dan lebih 800 ahli-ahli persatuan itu. Samsudin berkata, berdasarkan maklumat LKIM, jeti bernilai RM1.5 juta yang dicadangkan akan dibina di sini itu kini berada di peringkat reka bentuk bangunan dan dijangka siap pada tahun 2010. “Kita tidak ada masalah dengan cadangan untuk menjadikan kawasan Tanah Merah sebagai lokasi kerana ia sebahagian daripada tanah LKIM,” katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Mohd. Khazin berkata, LKIM akan menyiasat tindakan segelintir nelayan yang meninggalkan kad subsidi diesel mereka di stesen minyak. Katanya, tindakan itu salah kerana ia mendedahkan nelayan terbabit kepada penyelewengan.

## **15 Mei 2009 (Jumaat)**

### **Peruntukan RM74.6j untuk pekebun lada**

KUCHING 15 Mei - Kerajaan Persekutuan menerusi Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi memperuntukkan RM74.6 juta untuk melaksanakan 'Program Peningkatan Produktiviti dan Pendapatan Pekebun Kecil Lada di Sarawak (5P)'. Menteri Muda Pemodenan Pertanian Sarawak, Datuk Peter Nyarok Entrie berkata, peruntukan sejumlah RM16.39 juta digunakan untuk pelaksanaan program tersebut pada tahun lalu manakala RM10.8 juta pada tahun ini. Katanya, antara program yang dilaksanakan itu adalah skim penyelenggaraan lada, skim penanaman semula lada pekebun kecil, pengeluaran produk serta pemprosesan.

"Dari tahun 2006 hingga tahun lalu, sejumlah 22,189 petani telah memperoleh faedah menerusi skim tersebut," katanya ketika menjawab soalan asal **Mong Dagang (BN-Bukit Begunan)** pada Sidang Dewan Undangan Negeri Sarawak di sini hari ini. Nyarok berkata, kesemua peruntukan daripada kerajaan Pusat untuk membangunkan industri tanaman lada di negeri ini telah disalurkan menerusi Lembaga Lada Malaysia.

## **15 Mei 2009 (Jumaat)**

### **30 projek disambung semula**

Oleh ARDYHANSAH AMAT [pengarang@utusan.com.my](mailto:pengarang@utusan.com.my)



**ISKANDAR Abdul Samad (dua dari kiri) mendengar aduan yang dikemukakan oleh orang ramai pada Hari Bertemu Pelanggan Majlis Bandaraya Petaling Jaya di Petaling Jaya, semalam.**

PETALING JAYA 15 Mei - Sebanyak 30 buah projek perumahan terbengkalai di Selangor bakal diambil alih dan diteruskan pembinaannya oleh pemaju lain sebelum penghujung tahun ini. Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan, Iskandar Abdul Samad berkata, projek itu merupakan sebahagian daripada 60 projek yang dikenal pasti berpotensi untuk diteruskan. Terdapat sebanyak 147 projek perumahan terbengkalai di seluruh Selangor.

"Keputusan ini diambil kerana pihak kami tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk membantu semua projek-projek yang bermasalah tersebut. "Dianggarkan kos untuk kesemua 147 projek akan menelan belanja sebanyak RM9 juta sedangkan kerajaan negeri hanya mempunyai peruntukan sebanyak RM1.5 juta sahaja setahun. "Oleh itu, kami hanya akan membantu projek-projek perumahan yang berpotensi untuk diteruskan selaras dengan peruntukan yang kami ada," katanya ketika ditemui di sini pada Hari Bertemu Pelanggan Majlis Bandaraya Petaling Jaya di sini hari ini.

Iskandar berkata, daripada 30 projek yang diambil alih oleh pemaju baru itu, hampir 50 peratus projek sudah diteruskan semula manakala selebihnya masih dalam proses perundingan antara kerajaan negeri dengan pemaju berminat. Sementara itu, mengenai program hari bertemu pelanggan, beliau berkata, program seumpama itu perlu diadakan secara berkala di setiap daerah.

"Saya melihat program ini penting bagi memudahkan orang ramai menyampaikan masalah mereka secara terus kepada Exco-exco kerajaan negeri khususnya yang berkaitan dengan masalah perumahan, pengurusan bangunan dan setinggan. "Ini tidak bermakna bahawa sebelum ini pihak kami tidak menerima apa-apa aduan yang berkaitan. Cuma, kami menjangkakan tidak semua masalah dapat diutarakan memandangkan program seumpama ini hanya dilakukan di Shah Alam.

"Selepas ini, program ini akan diadakan di setiap daerah bagi memudahkan semua pihak yang menghadapi masalah untuk berbincang dengan kami secara langsung," katanya yang akan menghadiri program yang sama anjuran Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) bulan hadapan. Antara masalah yang sering diterima oleh pihaknya daripada orang ialah soal perkhidmatan pembersihan, kemudahan awam dan denda. "Melalui program ini, pihak kami cuba sedaya upaya membantu orang ramai melalui perbincangan dalam menyelesaikan masalah yang mereka hadapi," tambahnya lagi.

Sementara itu, *Utusan Malaysia* mendapati orang ramai mengambil peluang pada program itu untuk mengemukakan pelbagai bentuk masalah yang mereka hadapi. S. Mahadevan, 42, yang menghadapi masalah saman kerana meletakkan meja di kaki lima kedainya mahu memohon mendapat kebenaran terhadap tindakannya itu. "Saya sedang berusaha untuk mendapatkan permit meletakkan meja di kaki lima restoran saya memandangkan ramai pelanggan yang ingin makan di kawasan tersebut. "Saya berharap, melalui perjumpaan ini, permohonan berkenaan dapat dipercepatkan bagi memudahkan saya berniaga selain dapat mengurangkan kadar denda," katanya.

Mohd. Noor Othman, 73, pula berkata, program hari bertemu pelanggan itu dilihat dapat memudahkan orang ramai yang menghadapi masalah terutama masalah yang berkaitan dengan kediaman dan pekerjaan. "Saya melihat perjumpaan ini cukup baik dalam usaha membantu orang ramai. "Apatah lagi jika semua pihak berwajib seperti wakil rakyat, Exco-exco dan orang-orang penting yang terlibat turun padang bagi mendengar masalah orang ramai, sekali gus dapat memberi jalan penyelesaian yang terbaik kepada orang ramai," ujarnya.

## **18 Mei 2009 (Isnin)**

### **Kaedah perikanan haram perludi hentikan**

TAMPIN 18 Mei - Jabatan Perikanan negeri memberi amaran kepada kesemua pihak yang terbabit dalam kegiatan menangkap ikan menggunakan kaedah haram agar menghentikannya serta-merta. Pengarahnya, Wan Muhammad Aznan Abdullah berkata, perbuatan itu adalah salah satu faktor menyumbang kepada penyusutan sumber perikanan di negeri ini.

Menurut beliau, antara kaedah haram menangkap ikan yang dipraktikkan termasuk menuba, meracun di samping menggunakan renjatan arus elektrik dan bahan letupan. Jelasnya, kegiatan itu dilaporkan berlaku di sungai besar sekitar negeri ini seperti Sungai Muar di sini, Sungai Linggi di Port Dickson serta Sungai Teriang dan Sungai Kenaboi di Jelebu. "Sebagai contoh, penggunaan kaedah menangkap ikan haram di Sungai Kenaboi, Jelebu mengakibatkan populasi ikan kelah di situ menyusut sebanyak 90 peratus," katanya ketika ditemui selepas majlis pelepasan anak ikan ke Sungai Muar di Kampung Pasir Besar, Gemas dekat sini hari ini.

Kira-kira 70,000 anak ikan jenis lampam jawa, ketutu dan baung dilepaskan pada majlis itu oleh Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kesejahteraan Masyarakat negeri merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Gemas, Zainab Nasir. Wan Muhammad Aznan menambah, Jabatan Perikanan negeri akan meningkatkan penguatkuasaan bagi membanteras kegiatan menangkap ikan guna kaedah haram. Menurutnya, antara langkah diambil adalah tubuh unit penguatkuasaan Jabatan Perikanan negeri pada Jun depan. Katanya, unit berkenaan yang berpangkalan di Kuala Lukut, Port Dickson akan bergerak mengawasi kegiatan perikanan pesisir pantai serta perikanan air tawar di negeri ini.

**18 Mei 2009 (Isnin)**

### **Peruntukan pembangunan dilulus RM2.16b**

KUCHING 18 Mei - Kerajaan menerusi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLBW) meluluskan peruntukan berjumlah RM2.16 bilion bagi melaksanakan projek pembangunan di kawasan luar bandar Sarawak setakat 30 April 2009. Menteri Perancangan dan Pengurusan Sumber II, Datuk Seri Awang Tengah Ali Hassan berkata, jumlah itu bersamaan 19.6 peratus daripada keseluruhan peruntukan KKLBW dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) bagi melaksanakan projek pembangunan luar bandar di Sarawak. Katanya, daripada jumlah tersebut, RM646.1 juta diperuntukkan pada tahun ini bagi projek pembangunan luar bandar di negeri ini. "Manakala sejumlah RM443.4 juta diperuntukkan bagi projek pembangunan prasarana, utiliti dan kemudahan sosial luar bandar," katanya.

Beliau berkata demikian di ucapan penggulungan Kementerian Pembangunan Luar Bandar pada Sidang Dewan Undangan Negeri Sarawak di sini hari ini. Awang Tengah memberitahu, peruntukan berjumlah RM46.8 juta diperuntukkan kerajaan bagi melaksanakan projek pembasmian kemiskinan di negeri ini. Beliau berkata, baki peruntukan berjumlah RM155.9 juta diperuntukkan untuk projek pembangunan modal insan, ekonomi desa, pembangunan tanah dan wilayah, pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

**18 Mei 2009 (Isnin)**

### **Forum - Kerajaan tidak perlu ambil alih konsesi lebuhraya**

KENAIKAN kadar tol seringkali menjadi isu yang boleh membangkitkan rasa tidak senang rakyat. Bagi mengatasi polemik ini, kerajaan telah mengarahkan Unit Perancangan Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri untuk mencari jalan penyelesaian yang paling berkesan. Ekoran arahan tersebut, terdapat pihak yang mencadangkan agar kerajaan membeli keseluruhan pegangan saham dalam syarikat konsesi lebuhraya sebagai langkah drastik untuk mengatasi masalah ini. Dalam isu ini, saya menyarankan agar kerajaan membuat pertimbangan yang sewajarnya sebelum mengambil keputusan. Pengambilalihan ini melibatkan perbelanjaan yang besar dan memberi kesan jangka masa panjang. Kerajaan terpaksa mengeluarkan sejumlah wang yang banyak untuk membiayai pembelian saham syarikat konsesi ini.

Malah, kerajaan juga akan terpaksa memperuntukkan sejumlah wang bagi tujuan penyelenggaraan dan penambahbaikan sistem jaringan lebuhraya di masa akan datang. Saya percaya, perkara ini adalah di luar kemampuan kerajaan. Jika kerajaan berhasrat membeli saham syarikat konsesi itu, persoalannya, dari manakah kerajaan akan mendapat sumber kewangan tersebut? Pasti, kerajaan akan terpaksa menggunakan peruntukan dari dana lain merealisasikan cadangan ini.

Andai ini berlaku, projek-projek pembangunan yang lebih penting akan tergendala. Adalah lebih baik wang itu digunakan untuk membangunkan kawasan luar bandar, membina hospital, sekolah, memajukan sistem pengangkutan awam dan menambah baik jaringan jalan Persekutuan yang sekali gus akan memberi manfaat kepada rakyat.

Selaras dengan konsep Satu Malaysia, 'Rakyat Didahulukan, Prestasi Diutamakan' adalah tidak adil jika kerajaan membelanjakan sejumlah wang yang besar untuk melaksanakan cadangan ini kerana bukan semua rakyat Malaysia menggunakan lebuh raya bertol.

Apakah faedah serta kebaikan bagi rakyat yang tinggal di kawasan luar bandar yang tidak mempunyai akses kepada jaringan lebuh raya ini?. Sebagai salah seorang pengguna lebuh raya yang turut terkena tempiasnya, saya percaya ini adalah waktunya untuk kita sama-sama membantu meringankan beban kerajaan. Situasi menang-menang ini penting untuk kesejahteraan semua rakyat di Malaysia.

Demi mengurangkan beban yang dialami oleh pengguna lebuh raya bertol, pengguna sebenarnya boleh merancang perjalanan mereka dan memilih jalan Persekutuan dan jalan negeri sebagai alternatif. Tiada salahnya andai kita menyemarakkan semula kempen kongsi kereta dan menjadikan pengangkutan awam sebagai pilihan utama.

KOL (B) ARIFFIN, Kajang, Selangor.

**19 Mei 2009 (Selasa)**

## **RM370 juta laksana agropolitan**

Oleh ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN

KOTA KINABALU 19 Mei - Kerajaan negeri memperuntukkan RM370 juta bagi melaksanakan lima projek agropolitan di bawah Koridor Pembangunan Sabah (SDC) melibatkan lima daerah di negeri ini. Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman berkata, lima daerah yang telah dipilih bagi melaksanakan program itu ialah Kota Belud, Pitas, Kemabong, Beluran dan Tongod. "Tiga projek agropolitan iaitu di Kota Belud, Pitas dan Kemabong dijangka bermula tahun ini di mana kerja-kerja awal seperti pengukuran perimeter dan kajian kesan alam sekitar dijangka bermula dalam masa terdekat. "Bagi projek agropolitan Beluran iaitu di Ulu Lingkabau dan agropolitan Tongod, kajian kemungkinan perlu diadakan terlebih dahulu," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Pembasmian Peringkat negeri di Wisma Innoprise di sini hari ini. Beliau memberitahu, melalui program itu, Kota Belud akan menerima RM70 juta manakala Pitas (RM120 juta), Kemabong (RM40 juta), Beluran (RM60 juta) dan Tongod (RM80 juta). Menurut Musa, tanaman utama bagi program agropolitan berkenaan ialah getah selain beberapa aktiviti

ekonomi sampingan yang dianggap bersesuaian. "Lembaga Industri Getah telah dilantik sebagai agensi pelaksana utama bagi kesemua program agropolitan tersebut. "Selain tanaman utama, setakat ini agropolitan Kota Belud juga melibatkan projek lembu tenusu dan pedaging dengan anggaran kos RM52.37 juta yang dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak," katanya.

Musa berkata, kira-kira 5,500 ketua isi rumah miskin tegar akan terlibat dalam projek yang juga program lonjakan mega jangka panjang bagi membasmi kemiskinan tegar di negeri ini. Sementara itu, katanya, pihaknya akan menggunakan pendekatan multi-agensi dalam melaksanakan projek itu bagi memastikan ia dapat dilaksanakan dengan lancar dan mengikut jadual. "Saya telah meminta semua agensi kerajaan bersama Pegawai Daerah di kawasan masing-masing memastikan wujudnya kerjasama supaya perjalanan program ini berjalan lancar dan tidak berlaku kelewatan. "Setiap tiga bulan kita akan adakan mesyuarat memantau setakat mana pencapaian dalam pelaksanaan projek ini," ujarnya.

**20 Mei 2009 (Rabu)**

### **Kerajaan lulus pelaburan asing RM23 bilion**

KUCHING 20 Mei - Kerajaan negeri meluluskan sejumlah RM23 bilion pelaburan langsung asing (FDI) atau 87 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan di negeri ini pada tahun lalu. Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Dr. George Chan Hong Nam berkata, ia merupakan jumlah tertinggi pelaburan asing meskipun dalam keadaan ekonomi dunia yang merundum pada masa ini.

Menurutnya, kejayaan menarik pelaburan asing ke negeri ini disebabkan strategi yang dirancang oleh kerajaan negeri yang menawarkan kekayaan sumber alam semula jadi Sarawak termasuk hidro elektrik, arang serta bahan silika. "Pelaburan asing utama adalah dari Australia, China, Jepun dan Belanda, manakala jenis FDI yang telah diluluskan kebanyakannya berunsurkan logam, petroleum dan beberapa industri yang berkaitan di samping kelengkapan pengangkutan," katanya.

Beliau berkata demikian semasa ucapan penggulungan Kementerian Pembangunan Perindustrian pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini hari ini. Dalam pada itu, menyentuh mengenai prestasi sektor pembuatan di negeri ini, Hong Nam memberitahu, sejumlah 83 projek telah disokong serta diluluskan oleh Jawatankuasa Penyelarasan Perindustrian Negeri (ICC) pada tahun lalu. Katanya, 83 projek tersebut membabitkan jumlah modal pelaburan sebanyak RM26.4 bilion berbanding hanya RM900 juta pada tahun 2007. Tambahnya, kelulusan terhadap projek-projek berkenaan dijangka membuka peluang pekerjaan atau guna tenaga sebanyak 14,621 orang.

"Jumlah 83 projek itu membabitkan pelaburan besar dalam empat sub-sektor utama negeri iaitu industri berasaskan kayu dengan 30 projek, industri makanan (15), kelengkapan pengangkutan (10) dan industri berasaskan logam (10). "Dari segi nilai pelaburan, sektor logam merupakan pelaburan modal paling tinggi iaitu RM24 bilion diikuti petroleum dan produk-produk berkaitan (RM1 bilion), kelengkapan pengangkutan (RM784 juta) dan industri berasaskan kayu (RM155 juta)," ujarnya.

Hong Nam menambah, pada tahun lalu juga, kerajaan negeri telah meluluskan projek di lima bahagian utama dengan Kuching sebanyak 33 projek diikuti Sibu (17), Bintulu (10), Miri (9) dan Mukah (7).

**21 Mei 2009 (Khamis)**

### **Perolehan PIDM RM158 juta tahun ini**

KUALA LUMPUR 21 Mei - Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) menyasarkan perolehannya meningkat kepada RM158 juta pada tahun ini berbanding RM98.56 juta pada tahun sebelumnya. Ketua Pegawai Eksekutifnya, Jean Pierre Sabourin berkata, unjuran itu dibuat berdasarkan beberapa langkah yang akan diambil pada tahun ini serta kedudukan sistem kewangan yang baik. "PIDM bukan merupakan pertubuhan yang berteraskan keuntungan dan setiap pelaburan dibuat adalah untuk melindungi modal serta untuk tempoh jangka pendek. "Pelaburan yang dibuat PIDM adalah Bil dan Nota Boleh Runding Bank Negara Malaysia (BNM) yang berteraskan syariah serta terbitan sekuriti dan pelaburan kerajaan Malaysia," katanya pada taklimat media Laporan Tahunan PIDM 2008 di sini hari ini.

Hadir sama di majlis itu Pengurus Besar Penilaian dan Pemantauan Insurans, Md Khairuddin Arshad, Ketua Pegawai Kewangan PIDM, Wan Ahmad Ikram Wan Ahmad Lotfi dan Pengurus Besar Divisyen Komunikasi dan Hubungan Awam PIDM, S. Loganathan. Katanya, pecahan perolehan itu adalah RM147 juta bagi pendapatan premium dan RM11 juta bagi pendapatan pelaburan. Tambah Sabourin, untuk tahun ini PIDM akan menumpukan usaha memperkukuhkan penilaian dan pemantauan risiko, membangunkan keupayaan mengendalikan resolusi kegagalan serta membangunkan modal insan. "PIDM juga akan meluaskan peranan kami dengan pengumuman Jaminan Deposit kerajaan pada Oktober lalu sejajar dengan inisiatif serantau untuk mengekalkan keyakinan dalam sistem kewangan masing-masing.

"Di bawah jaminan itu, semua deposit ringgit dan simpanan mata wang asing di kesemua 22 bank perdagangan, 17 bank Islam, 15 bank pelaburan, tiga bank Islam antarabangsa dan lima institusi kewangan pembangunan yang di bawah kawal selia BNM dijamin sepenuhnya oleh PIDM sehingga 31 Disember 2010'. Selain itu, PIDM akan terus mendidik dan meningkatkan pemahaman orang awam terhadap perlindungan insurans deposit.

**21 Mei 2009 (Khamis)**

### **Ekonomi - PKFZ: LPK tunggu Kabinet**

PELABUHAN KLANG 21 Mei - Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) akan menunggu hasil perbincangan Kabinet mengenai laporan audit oleh PriceWaterhouseCoopers (PwC) tentang projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) sebelum memutuskan untuk mengeluarkan laporan tersebut kepada orang awam, kata Pengerusi LPK, Datuk Lee Hwa Beng. "Kami mahu menunggu hasil perbincangan (Kabinet) sebelum kami membuat keputusan," katanya pada taklimat media selepas mesyuarat lembaga LPK di sini, hari ini.

Hwa Beng juga berkata, isu surat tanggung rugi yang diminta oleh PwC daripada LPK sebelum laporan itu dikeluarkan kepada orang awam telah diselesaikan. Firma audit PwC dilaporkan bimbang ia akan disaman sekiranya pendedahan tertentu dikeluarkan kepada orang awam dan mahu LPK menanggung rugi mereka sekiranya mereka disaman.

Hwa Beng berkata, LPK telah mendapatkan nasihat guaman daripada Skrine and Co. "Kami boleh memberikan surat tanggung rugi ini kerana sekiranya PwC disaman kerana kecuaiannya, kami boleh menyaman balik PwC itu sangat penting," katanya.

Laporan audit itu dijadual dikeluarkan pada 6 Mei tetapi berdepan dengan masalah apabila didedahkan bahawa pengarah bebas PwC meletakkan syarat bagi laporan tersebut, iaitu keperluan bagi surat tanggung rugi daripada LPK.

Lee berkata, surat tanggung rugi itu akan dikeluarkan kepada PwC sekiranya LPK diminta mengeluarkan laporan tersebut kepada orang awam. Beliau berkata, lembaga menerima surat perletakan jawatan bertarikh 7 Mei, 2009, daripada Lim Thean Shiang sebagai Pengurus Besar LPK dan Pengerusi Eksekutif PKFZ Sdn. Bhd. pengendali PKFZ.

Oleh kerana Thean Shiang sedang bercuti sekarang, beliau berkata, tanggungjawab pengurus besar LPK akan dipikul oleh Penolong Pengurus Besar LPK David Padman. Lee berkata, peletakan jawatan itu atas alasan peribadi dan bukan berkaitan laporan PKFZ. Menurutnya, pengurus besar baharu LPK akan dilantik selepas cadangan oleh kementerian. - Bernama

**21 Mei 2009 (Khamis)**

### **Beri kontrak pada syarikat mesra alam**

KUALA LUMPUR 21 Mei - Kerajaan disaran memberikan kontrak-kontrak kepada syarikat yang prihatin kepada pemuliharaan alam sekitar bagi menggalakkan lagi perniagaan mesra persekitaran di dalam negara. Presiden Green Purchasing Network Malaysia, Datuk Mustafa

Mansur berkata, sokongan kerajaan boleh membantu mewujudkan keseluruhan sektor baru perbadanan yang bertanggungjawab kepada persekitaran.

"Kerajaan merupakan "rumah" pemerolehan terbesar di dalam negara, jadi, ia seharusnya menjadi peneraju dalam menggalakkan ahli perniagaan menghasilkan lebih banyak produk dan perkhidmatan hijau," kata beliau dalam taklimat media selepas merasmikan Persidangan Kebangsaan mengenai Pemerolehan Hijau dalam sektor awam di sini hari ini.

Mustafa, yang juga Presiden Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia berkata, pembeli di kalangan sektor awam dan swasta membelanjakan ratusan dan jutaan dolar setiap tahun dan dengan "menghijaukan" pembelian mereka, ia boleh menyumbangkan secara signifikan kepada peningkatan produk dan perkhidmatan hijau.

Selain daripada itu, beliau berkata, ia juga boleh menjuruskan kepada menggalakkan teknologi hijau. Pembelian hijau ditakrifkan sebagai pembelian apa sahaja produk dan perkhidmatan yang mempunyai kesan yang sedikit kepada persekitaran dan sekali gus memperlihatkan tanggungjawab sosial dan etika. - Bernama

**21 Mei 2009 (Khamis)**

**FDI ke Iskandar Malaysia tidak terjejas – Najib**



Najib Tun Razak diberi penerangan mengenai projek pembangunan dalam Iskandar Malaysia sambil diperhatikan oleh Abdul Ghani Othman, Mustapha Mohamed dan Mohamed Nor Yakcop sempena lawatan rasmi pertama Perdana Menteri dan Taklimat Pembangunan Iskandar Malaysia ke Pusat Pentadbiran Kota Iskandar, Nusajaya, semalam. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

JOHOR BAHRU 21 Mei - Pelaburan langsung asing (FDI) ke Iskandar Malaysia dijangka tidak terjejas walaupun dunia mengalami kemelesetan ekonomi, kata Datuk Seri Najib Tun Razak. Sebaliknya, Perdana Menteri berkata, kerajaan menjangka berlaku peningkatan aliran masuk FDI ke koridor ekonomi itu yang berpotensi besar dan mempunyai konsep menarik dalam kalangan pelabur. "Saya tidak menjangka (aliran masuk FDI ke Iskandar Malaysia) akan berkurangan. Saya rasa ia akan mengalir ke kawasan utama pembangunan kerana ia telah menarik banyak minat antarabangsa," katanya.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Bangunan Sistem Lingkaran Pendinginan Berpusat di Kota Iskandar di sini hari ini. Turut hadir Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Tan Sri Nor Mohamed Yakcop; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mustapa Mohamed dan Ketua Pegawai Eksekutif Pihak Berkuasa Iskandar Malaysia (Irda), Harun Johari.

Najib berkata, pembangunan di koridor ekonomi yang terletak paling ke selatan negara itu tidak mengalami kelembapan, malah ia sedang berjalan mengikut jadual dan menepati matlamat pembangunannya. "Saya dimaklumkan pembangunannya berjalan lancar dan menepati jadual, malah pada waktu ini Iskandar Malaysia berjaya menarik pelaburan sebanyak RM42.63 bilion," katanya.

Menurutnya, jumlah tersebut merupakan 90.7 peratus daripada sasaran RM47 bilion menjelang 2010 dengan komitmen pelaburan sebanyak RM21.7 bilion telah dicatatkan. Menurutnya, pelaburan tersebut membabitkan RM21.7 bilion dalam sektor pengeluaran, hartanah (RM9.05 bilion), kerajaan (RM6.83 bilion), utiliti (RM2.9 bilion), pelancongan (RM0.75 bilion) dan lain-lain (RM1.4 bilion). Sementara itu, Perdana Menteri mahu setiap rancangan pembangunan mengutamakan kepentingan sosial rakyat dan alam sekitar seperti yang sedang dilaksanakan di Iskandar Malaysia.

Tegasnya, ia adalah sejajar dengan konsep Teknologi Hijau yang memastikan setiap pembangunan tidak menjejaskan alam sekitar dan masyarakat terutama dalam isu kebajikan rakyat. "Ia adalah pertumbuhan ekonomi yang amat menarik dari segi konsep iaitu pembangunan yang bersifat mesra alam dan di samping itu mewujudkan potensi peluang ekonomi yang lebih luas," katanya.

## **22 Mei 2009 (Jumaat)**

### **LPP majukan ladang 86 hektar tanam vitato**

PASIR PUTEH 22 Mei - Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Kelantan akan membangunkan ladang tanaman vitato di kawasan seluas 86 hektar dengan memperuntukan perbelanjaan sebanyak RM1.5 juta dalam usaha membantu meningkatkan pendapatan petani di negeri ini. Timbalan Pengarah LPP, Sawaludin Ahmad berkata, lembaga berkenaan akan berkerjasama dengan Pejabat Pemasaran Hasil Pertanian Persekutuan (FAMA) menerusi program ladang kontrak bagi memastikan hasil yang diusahakan petani dapat dipasarkan pada harga yang berpatutan iaitu di antara 45 sen hingga 80 sen sekilogram.

Selain tanaman tersebut, katanya, LPP turut menggalakkan petani mengusahakan tanaman lain seperti labu manis dan tembikai yang akan diusahakan oleh empat Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) iaitu di Telong, Kandis, Semerak dan Bachok. "Bagi menentukan usaha menanam vitato ini dilaksanakan dalam jangka masa yang panjang, LPP akan cuba membantu

PPK mewujudkan industri hiliran yang memberi lebih peluang dan jaminan kepada petani terlibat dengan projek ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menghadiri Majlis Solat Hajat sempena memulakan projek penanaman vitato oleh 16 petani di kawasan seluas 10 hektar di Kuala Semerak, dekat sini hari ini. Sawaludin berkata, petani yang terbabit dengan projek itu akan mengikuti kursus intensif berkaitan penanaman vitato dan pengurusan hasil tanaman pada 27 dan 28 Mei ini.

"Sekiranya petani mematuhi jadual penanaman dan menggunakan teknologi pertanian yang betul, mereka dijangka memperoleh hasil sebanyak 20 metrik tan bagi setiap sehektar kawasan yang diusahakan. "Penanaman yang diusahakan pada bulan ini akan membolehkan ia dituai sebelum tibanya musim tengkujuh di mana permintaan hasil tanaman itu juga turut meningkat," katanya.

LPP juga, katanya, akan memantau pelaksanaan projek itu termasuk memastikan petani yang terlibat menggunakan sebahagian wang hasil jualan sebagai modal pusingan untuk melaksanakan penanam bagi projek seterusnya.

## **25 Mei 2009 (Isnin)**

### **Jawatankuasa selesai masalah Bukit Botak**

SHAH ALAM 25 Mei – Kerajaan negeri bersetuju menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi menyiasat aduan penyelewengan dan penipuan berhubung pemberian 1,400 lot tanah kepada bekas penduduk setinggan Bukit Botak, Selayang dekat sini. Jawatankuasa yang diketuai oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan Selangor, Iskandar Abdul Samad itu turut dianggotai oleh pegawai Pejabat Tanah Gombak, para peguam dan wakil masyarakat.

Iskandar berkata, jawatankuasa itu ditubuhkan bertujuan untuk memastikan mereka yang telah mendapat lot tanah tersebut benar-benar layak dan mereka yang layak mendapat lot tanah tetapi namanya disingkirkan mendapat pembelaan. Beliau berkata, antara yang akan dilakukan ialah memanggil mereka yang telah mendapat tanah dan mereka yang mendakwa disingkirkan bagi membantu melengkapkan siasatan selain menemubual pihak lain yang dapat menyalurkan maklumat bagi melengkapkan siasatan itu. Menurut beliau, pihaknya juga menjangkakan yang laporan siasatan tersebut akan disiapkan selewat-lewatnya 20 Ogos ini.

**25 Mei 2009 (Isnin)**

## **Kontraktor disenarai hitam**

Oleh ZULHISHAM ISHAK [utusanabah@utusan.com.my](mailto:utusanabah@utusan.com.my)

KOTA KINABALU 25 Mei - Kerajaan akan menyenarai hitam mana-mana kontraktor yang gagal menyiapkan projek-projek mega di Sabah mengikut jadual ditetapkan. Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon berkata, tindakan itu wajar kerana kontraktor terlibat hanya merencatkan usaha pembangunan di negeri ini. "Sebelum menyenarai hitam kontraktor-kontraktor tersebut, kita akan beri amaran dahulu. Selepas itu kalau masih tiada perkembangan kita gantung dan senarai hitam mereka. "Kita juga tidak menolak kemungkinan akan membuka tender semula untuk satu-satu projek yang gagal disiapkan mengikut jadual, tetapi cara ini akan memakan masa dan merugikan rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyampaikan ucap tama di majlis Perhimpunan Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan Sabah, di Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah di sini hari ini. Tsu Koon berkata, kelewatan kontraktor-kontraktor itu merupakan punca utama pembangunan di negeri ini sering kali terjejas. Selain itu, kata beliau, JPM juga akan memantau projek-projek terbengkalai yang berpunca daripada disengajakan atau tidak dapat dielakkan. Bagi pembangunan di luar bandar pula, katanya, sesuatu projek lambat dijalankan disebabkan terdapat daerah yang jauh dari bandar dan keadaan itu menyukarkan kerja-kerja pembangunan. Sehubungan itu, kata beliau, pihaknya akan memantau perkembangan projek-projek pembangunan di negeri ini setiap masa bagi memastikan semuanya siap mengikut tempoh.

Tsu Koon menambah, kira-kira 100,000 kakitangan Kerajaan Persekutuan di Sabah perlu menjalin kerjasama lebih erat dengan kakitangan kerajaan negeri agar masalah berkaitan pembangunan mampu diselesai. Hanya dengan cara itu, katanya, semua kelemahan dapat diatasi sekali gus menghilangkan hambatan yang menghalang kerajaan meneruskan pembangunan di negeri ini.

**26 Mei 2009 (Selasa)**

## **TUDM peroleh Eurocopter 2011**

SUBANG 26 Mei - Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dijangka memperoleh beberapa helikopter EC725 keluaran Eurocopter sebelum 2011 bagi menggantikan pesawat Nuri S61A-4 yang digunakan perkhidmatan itu. Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, pembelian itu boleh disegerakan jika kementerian berjaya mengusulkan pakej pembelian yang tidak membebankan kerajaan.

Justeru, katanya, kementerian itu akan mengadakan perbincangan dengan Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan Perbendaharaan bagi mengemukakan pakej pembelian terbaik buat kerajaan.

"Kami akan berbincang dengan EPU dan Perbendaharaan mengenai langkah lanjut yang akan dilakukan kerana TUDM amat memerlukan aset ini (Eurocopter) bagi menggantikan aset lama. "Bagaimanapun, kami faham kesukaran ekonomi sekarang dan akan usulkan pakej pembelian tanpa membebankan kerajaan," katanya pada sidang akhbar selepas melawat sekitar Pangkalan TUDM Subang di sini hari ini.

Beliau mengulas mengenai surat hasrat (LOI) kerajaan mengenai pembelian 12 unit helikopter itu kepada Eurocopter yang akan luput pada Ogos ini. Menurut Ahmad Zahid, kementeriannya dan kerajaan sentiasa menghormati LOI itu dan keputusan memperbaharainya akan dibuat selepas perbincangan dengan EPU dan Perbendaharaan dilaksanakan.

September lalu, bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi memberitahu kerajaan telah menghantar LOI kepada Eurocopter untuk pembelian 12 unit pesawat tersebut. Namun, sebulan selepas itu, Abdullah yang juga bekas Menteri Pertahanan mengumumkan kerajaan terpaksa menunda pembelian tersebut akibat krisis kewangan dunia dan memberitahu perolehannya akan dibuat paling awal pada 2011. Dalam perkembangan sama, Ahmad Zahid menjelaskan, pembelian aset-aset baru amat penting bagi TUDM mengawal ruang udara negara ini yang berkeluasan kira-kira 300,000 kilometer persegi. "Aset-aset ini penting demi persaingan TUDM di rantau ini di samping ia berupaya meningkatkan moral para anggota dan pegawai perkhidmatan ini," tegasnya.

## **26 Mei 2009 (Selasa)**

### **RM580 juta laksana projek dalam 4 bulan**



Musa Aman (tengah) mempengerusikan mesyuarat Majlis Tindakan Negeri (MTN) di Kota Kinabalu, semalam.

KOTA KINABALU 26 Mei - Kerajaan negeri membelanjakan kira-kira RM580 juta dalam tempoh empat bulan pertama tahun ini bagi menjalankan pelbagai projek pembangunan di negeri ini. Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman berkata, perbelanjaan tersebut merupakan 16.5 peratus daripada RM3.5 bilion yang diperuntukkan bagi program pembangunan pada tahun ini. Perbelanjaan itu adalah melalui peruntukan perbelanjaan dalam Rancangan Malaysia

Kesembilan (RMK9) yang secara keseluruhan prestasi perbelanjaan sehingga 30 April 2009 adalah di tahap 54.90 peratus atau sejumlah RM10.65 bilion daripada RM19.41 bilion peruntukan pembangunan. "Dari segi jangkaan tempoh masa, kita telah melalui 66.67 peratus atau 40 bulan tempoh pelaksanaan projek dan tinggal 20 bulan lagi sebelum berakhirnya RMK-9 untuk kita memulakan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10)," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tindakan Negeri (MTN) di Wisma Innoprise di sini hari ini. Menurutnya, sebanyak 1,041 projek daripada kira-kira 4,802 projek pembangunan yang dirancang dalam tempoh RMK9 telah berjaya disiapkan. "Daripada jumlah itu juga, sebanyak 121,346 projek dilaksanakan mengikut jadual dan 229 projek dilaksanakan mendahului jadual," jelasnya.

Dalam pada itu Musa berkata, beliau berharap semua projek pembangunan dapat dilaksanakan mengikut jadual dan memenuhi spesifikasi yang ditetapkan. Justeru itu, beliau meminta semua pihak dan agensi bertanggungjawab melakukan pemantauan rapi bagi memastikan kelancaran dan kualiti projek yang dilaksanakan. "Saya juga meminta semua pelaksana agensi kerajaan negeri dan agensi kerajaan Persekutuan memaklumkan kepada pegawai-pegawai daerah mengenai setiap projek yang akan dilaksanakan," katanya.

Sementara itu, katanya, dalam tempoh empat bulan pertama tahun ini juga, sebanyak RM47 juta daripada RM156 juta peruntukan tahunan di bawah Peruntukan Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) dibelanjakan untuk pembangunan. Beliau menambah, secara keseluruhan sebanyak RM188 juta daripada RM1.79 bilion yang diperuntukkan di bawah RMK-9 dibelanjakan untuk tujuan sama.